



## UNIT PENAJAAN & PUSAT KHIDMAT SETEMPAT PELAJAR (OSSC)

### 1.0 PEMBIAYAAN PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

- 1.1 Pihak Kolej Universiti Insaniah (KUIN) menguruskan pembiayaan pinjaman pendidikan khususnya PTPTN sahaja kepada pelajar tempatan (Warganegara Malaysia) manakala lain-lain pembiayaan akan diuruskan oleh KUIN setelah pelajar menerima surat tawaran daripada penaja untuk tindakan selanjutnya.
- 1.2 Pelajar tempatan (bagi program Diploma dan Ijazah sahaja) **DIWAJIBKAN** memohon pinjaman PTPTN mengikut jadual yang ditetapkan sahaja.
- 1.3 Syarat permohonan pembiayaan pinjaman PTPTN adalah seperti berikut:
  - i. Hanya akaun **Bank Islam sahaja** dibenarkan bagi segala urusan berkaitan PTPTN dan akaun tersebut dibuka di atas nama pelajar.
  - ii. Mempunyai akaun SSPN-i (Pembukaan Akaun digalakkan dibuat di mana-mana cawangan pejabat PTPTN atau cawangan bank yang disenaraikan oleh pihak PTPTN.
    - (a) Pelajar di bawah had umur 19 tahun dikehendaki :
      - Borang SSPN-i (lengkap isi)
      - Salinan kad pengenalan pelajar
      - Salinan kad pengenalan waris
      - Salinan sijil kelahiran pelajar
      - Bayaran minimum RM 20.00 ke atas sahaja
    - (b) Pelajar melebihi had umur 19 tahun ke atas dikehendaki membawa :
      - Borang SSPN-i (lengkap)
      - Salinan kad pengenalan pelajar
      - Bayaran minimum RM 20.00 ke atas sahaja

- 1.4 Pelajar dikehendaki mengisi permohonan (ONLINE) di laman sesawang **www.ptptn.gov.my** sebelum tarikh yang ditetapkan seperti jadual yang berikut:-

SEMESTER PENGAJIAN		TARIKH PERHANTARAN PERMOHONAN	
SEMESTER 1	JUN	KELOMPOK PERTAMA	1 - 30 JUN
		KELOMPOK KEDUA	1 - 31 JULAI
SEMESTER 2	DISEMBER	KELOMPOK PERTAMA	1 - 31 DISEMBER
		KELOMPOK KEDUA	1- 31 JANUARI

**Jadual 1 : Tarikh Permohonan ONLINE PTPTN Bagi KUIN**

- i. Pelajar diingatkan membaca syarat-syarat kelayakan di laman sesawang **www.ptptn.gov.my** sebelum mengisi permohonan (online) pinjaman PTPTN.
- ii. Pelajar digalakkan membuat permohonan ONLINE PTPTN setelah mendaftar di KUIN dan bimbingan akan diberikan oleh Pejabat OSSC.
- iii. Pelajar dinasihatkan agar menyimpan bukti permohonan online dengan cara "**Print Screen**" bagi *setiap paparan* dalam sistem permohonan online PTPTN.

- 1.5 Jumlah Pembiayaan Mengikut Syarat Kelayakan BR1M

JUMLAH PEMBIAYAAN	SYARAT KELAYAKAN PEMBIAYAAN
i- Pembiayaan Maksimum	- Data pelajar atau ibu bapa disenaraikan oleh LHDN sebagai <b>penerima BR1M</b> .
ii- Pembiayaan 75% daripada jumlah maksimum	- Pendapatan bulanan keluarga pelajar <b>tidak melebihi RM8000.00</b> .
iii- Pembiayaan 50% daripada jumlah maksimum	- Pendapatan bulanan keluarga pelajar <b>melebihi RM8000.00</b> .

1.6 Jumlah Pembiayaan Keseluruhan

PERINGKAT PENGAJIAN	PEMBIAYAAN SETAHUN		
	MAKSIMUM	75%	50%
Diploma Sepenuh Masa	<b>RM6,800.00</b> <b>setahun</b> (RM3,400.00 per semester)	<b>RM5,100.00</b> <b>setahun</b> (RM2,550.00 per semester)	<b>RM3,400.00</b> <b>setahun</b> (RM1,700.00 per semester)
Ijazah Sarjana Muda	<b>RM13,600.00</b> <b>setahun</b> (RM6,800.00 per semester)	<b>RM10,200.00</b> <b>setahun</b> (RM5,100.00 per semester)	<b>RM6,800.00</b> <b>setahun</b> (RM3,400.00 per semester)
Ijazah Sarjana Muda Perubatan	RM30,000.00	RM30,000.00	RM30,000.00

1.7 Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian semasa mengisi permohonan online :

- i. Pendapatan Waris/penjaga terkini (Gaji pokok sahaja)
- ii. No. Akaun **Bank Islam**
- iii. Nama Program Pengajian (Rujuk Surat Tawaran KUIN)
- iv. Tarikh Mula Pengajian/Tarikh Pendaftaran (Rujuk Surat Tawaran KUIN)
- v. Emel pelajar yang aktif (**WAJIB**)
- vi. Maklumat peribadi pelajar yang lengkap

\* Permohonan pelajar akan **DITOLAK** serta-merta oleh pihak PTPTN sekiranya berlaku kesilapan mengisi maklumat seperti perkara di atas dalam permohonan (ONLINE) PTPTN.

\* Permohonan akan diproses dalam **7 hari bekerja** selepas Tarikh Penghantaran Permohonan seperti **Jadual A** .

## 2.0 Tarikh Urusan Pelajar Lama

- Pelajar lama diingatkan agar mematuhi tarikh urusan yang telah ditetapkan oleh pihak PTPTN dengan mengaktifkan status, pendaftaran subjek dan sebagainya.
- **Kegagalan pelajar mematuhi tarikh urusan tersebut**, sebarang urusan pembayaran di luar jadual tidak akan diproses oleh pihak PTPTN dan pelajar dikehendaki membayar yuran pengajian pada semester tersebut.
- Pelajar yang akan/sedang menjalani latihan industri (Praktikal) diwajibkan membuat pengaktifan status dan pendaftaran subjek seperti di Jadual 2.1 dan taqvim akademik.

2.1 Berikut adalah tarikh urusan pelajar lama yang harus dipatuhi oleh pelajar :

<b>SEMESTER KUIN</b>	<b>KELOMPOK PENGESAHAN</b>	<b>TEMPOH PENGAKTIFAN STATUS &amp; PENDAFTARAN SUBJEK</b>
<b>JUN</b>	Kelompok 1	1 Julai
	Kelompok 2	16 Julai
<b>DISEMBER</b>	Kelompok 1	1 Januari
	Kelompok 2	16 Januari

Jadual 2 : Tarikh Urusan PTPTN Pelajar Lama

2.2 Syarat pembayaran pinjaman PTPTN adalah seperti berikut:-

- i. Bayaran pinjaman PTPTN akan dibuat pada setiap semester dengan keputusan peperiksaan **GPA 2.00 ke atas sahaja**.
- ii. Sekiranya pelajar di bawah tajaan PTPTN mendapat keputusan peperiksaan dengan Purata Nilai Gred/Gred Point Average (**PNG/GPA**) **kurang daripada 2.00** pada setiap semester :
  - (a) Pihak PTPTN **tidak akan** membuat pembayaran pinjaman pada semester tersebut.
  - (b) Pelajar dikehendaki menjelaskan sendiri bayaran yuran pengajian pada semester tersebut mengikut polisi Pembayaran Yuran yang telah ditetapkan oleh pihak INSANIAH.

- (c) Kegagalan menjelaskan bayaran yuran pengajian tersebut, pihak KUIN **tidak akan meluluskan pelajar** tersebut daripada mencetak slip peperiksaan dan keputusan peperiksaan serta pendaftaran subjek untuk semester berikutnya.
- (d) Sebarang penangguhan bayaran yuran pengajian tidak akan diterima oleh Jabatan Bendahari KUIN.
- (e) Bayaran pinjaman PTPTN ***gagal dikreditkan*** kepada akaun pelajar sekiranya:
  - Kesilapan no. akaun **Bank Islam**.
  - Akaun tidak aktif
  - Baki akaun **kurang daripada RM20.00** untuk pengaktifan status akaun.

\*Pelajar perlu menyerahkan salinan akaun **Bank Islam (Aktif)** kepada Unit Kewangan Pelajar bagi tujuan pembayaran semula pinjaman tersebut.

iii. Bagi penangguhan pengajian, pihak PTPTN hanya meluluskan permohonan jika berkaitan **masalah kesihatan** dan perlu mendapatkan rawatan di mana-mana **hospital kerajaan sahaja** serta tidak menerima sebarang kelulusan bayaran pinjaman pada semester tersebut.

- (a) Antara dokumen yang diperlukan:
  - Borang Permohonan Perlanjutan Tempoh Pembiayaan (boleh dicetak di laman sesawang **www.ptptn.gov.my**)
  - Salinan Surat tawaran kemasukan ke IPT
  - Salinan keputusan peperiksaan untuk setiap semester
  - Salinan laporan perubatan. (Laporan perlu disahkan oleh pegawai perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan dan berkhidmat di Hospital Kerajaan)
  - Salinan cuti sakit daripada Hospital/ Pusat Kesihatan Kerajaan
  - Kebenaran penangguhan pengajian daripada KUIN
- (b) Semua dokumen tersebut perlu dihantar dengan kadar segera kepada Unit Penajaan & OSSC pada semester tersebut.

### **3.0 Pertanyaan/Rujukan :**

Unit Penajaan & Pusat Khidmat Setempat Pelajar (OSSC)  
Aras Bawah, Bangunan Canselori,  
Kolej Universiti Insaniah,  
09300 Kuala Ketil,  
Kedah Darul Aman.

**No. Tel** : 04-4155102/5105

**Email** : [info.osscc@insaniah.edu.my](mailto:info.osscc@insaniah.edu.my)